Nama :............................................................................... Kelas :.........................................

ڤرسيدڠن ڤڠتوا٢ دان مجليس ڤڠتوا
معهد كراجاءن سكوله منڠه اوݢام عرب بنتوان
يايسن اسلام كلنتن

3767/2
Kertas 2
Oktober 2024
2 jam 15 min

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
# TAHUN 2024 M / 1446 H

## EKONOMI
## KERTAS 2

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nama dan tingkatan anda pada ruangan di atas.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B.***
3. *Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B***
4. *Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.*

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | | |
|---|---|---|---|
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A | 1 | 20 | |
| | 2 | 20 | |
| | 3 | 20 | |
| B | 4 | 20 | |
| | 5 | 20 | |
| | 6 | 20 | |
| | 7 | 20 | |
| Jumlah | | 100 | |

**Kertas peperiksaan ini mengandungi 24 halaman bercetak**

©2024 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

## Bahagian A

[ 60 markah ]

Jawab **semua** soalan daripada bahagian ini

1 (a) Maklumat berikut berkaitan dua individu dalam faktor pengeluaran.

| | |
|---|---|
| Encik Shamsudin memperoleh pendapatan dalam bentuk sewa apabila Syarikat telekomunikasi menyewakannya untuk membina sebuah pencawang. | Puan Siti Zainab merupakan seorang pekerja. Beliau bekerja sebagai jurujual di Syarikat Azim Computer di Kuala Lumpur. |

Terangkan faktor pengeluaran yang terlibat pada maklumat tersebut.

[4 markah]

(b) Berikut adalah maklumat satu sistem ekonomi.

| |
|---|
| Pihak kerajaan dan mekanisme pasaran bersama-sama memainkan peranan penting agar aktiviti ekonomi berjalan dengan lancar. |

Jelaskan ciri sistem ekonomi tersebut.

[4 markah]

(c) Terangkan penentu penawaran bukan harga barang itu.

[6 markah]

(d) Jadual 1 menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran suatu barang di pasaran.

| Harga (RM) | Kuantiti Barang (unit) | |
|---|---|---|
| | Permintaan Pasaran | Penawaran Pasaran |
| 2 | 60 | 10 |
| 3 | 45 | 30 |
| 4 | 25 | 70 |

Jadual 1

(i) Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan di halaman 16, Lukis keluk keseimbangan pasaran.
[ 4 markah ]

(ii) Jelaskan keadaan pasaran pada titik **E**.

[2 markah]

2 (a) Bandingkan antara pinjaman overdraf dengan pinjaman peribadi.

[6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan isu pembelian kereta.

**Tiada pinjaman penuh sukar orang muda beli kereta**

Laporan sinar harian bermula Ogos, pembeli perlu membayar sekurang-kurangnya 10 peratus wang pendahuluan untuk membeli kereta jika tiada pinjaman penuh.

Sumber: Sinarharian.com, 12 julai 2024

Anda bersetuju dengan isu pembelian kereta di atas.

Jelaskan.

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

________________________________________________________________________

[5 markah]

(c) Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

| |
|---|
| Syarikat Walid Sdn. Bhd. mengeluarkan 300 unit ketuhar elektrik yang dijual dengan harga RM130 seunit. Kos pengeluaran yang digunakan ialah bahan mentah RM12 000, upah tiga orang pekerja RM3 000, sewa kilang RM1 500 dan bil utiliti RM1 500. Insuran kilang RM500. |

Htungkan:

(i) Jumlah kos berubah

[2 markah]

(ii) Jumlah untung yang diperolehi.

[2 markah]

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan projek pembinaan oleh kerajaan persekutuan.

| |
|---|
| **Kota Bharu** : Bangunan Wisma Persekutuan baharu di bandar tunjong dalam proses pembinaan bakal menggantikan Wisma Persekutuan di Kota Bharu. Projek pembinaan bangunan yang menelan perbelanjaan sebanyak RM470 juta itu bermula pada Jun 2020 dan dijangka siap pada Julai 2026. |

Jelaskan kos sosial yang dihadapi oleh masyarakat sekitar.

[5 markah]

3 (a) Jelaskan kesan pengangguran terhadap ekonomi negara.

[4 markah]

(b) Jelaskan bagaimana alat dasar kewangan berikut digunakan untuk mengatasi masalah inflasi dalam ekonomi.

(i) Syarat sewa beli

[2 markah]

(ii) Kadar Faedah

[2 markah]

(c) Terangkan **tiga** jenis sekatan perdagangan antarabangsa.

[6 markah

(d) Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran asing antara Dollar Australia (AUD) berbanding Ringgit Malaysia (RM) oleh peniaga bagi tempoh dua tahun.

| Kadar Pertukaran Asing | | |
|---|---|---|
| | Okt 2021 | Okt 2022 |
| RM bagi seunit AUD | 3.80 | 3.07 |
| | | Sumber :www.anm.gov.my |

(i) Berikan maksud kadar pertukaran asing.

[1 markah]



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

(ii) Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) terhadap eksport dan import Malaysia.

[5 markah]

**Bahagian B**

[40 markah]

Jawab *mana-mana* **dua** soalan daripada bahagian ini

4 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi peniaga di RTC Kelantan.

> KOTA BHARU: Sambutan menggalakkan daripada rakyat menjadikan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Tunjong di sini sebagai pilihan tempat beli-belah utama, sekali gus menjana pendapatan lumayan kepada lebih 600 peniaga di negeri ini. kerajaan dalam usaha membantu peniaga dan memajukan RTC antaranya menyediakan lot untuk peniaga dan akan ditambah kepada 1, 000 membabitkan kategori peruncitan, pemborong, pasar tani dan industri kecil dan sederhana (IKS).
>
> Sumber ubahsuai: sinarharian, 09 Ogos 2017

(a) (i) Apakah jenis pendapatan yang yang diterima oleh peniaga tersebut.

[1 markah]

(ii) Jelaskan pendapatan di (a) (i) [5 markah]

(b) Bagaimanakah penubuhan pusat di atas membantu pertumbuhan ekonomi.

[4 markah]

(c) Jelaskan manfaat yang diperoleh oleh masyarakat kesan daripada kewujudan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC). [9 markah]

5 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan persekutuan bagi komponen sektor sosial tahun 2021 hingga tahun 2023

| Tahun / Komponen | 2021 (RM juta) | 2022 (RM juta) | 2023 (RM juta) |
|---|---|---|---|
| Perumahan | 1,653 | 2,114 | 1,998 |
| Kesihatan | 4,412 | 4,916 | 6,143 |

Sumber: belanjawan.mof.gov.my

(a) Terangkan jenis perbelanjaan kerajaan yang terlibat. [6 markah]

(b) Jelaskan arah aliran peratus perbelanjaan perumahan bagi tahun 2021 hingga 2023. [5 markah]

(c) Mengapakah kerajaan memperuntukkan perbelanjaan sektor kesihatan sedemikian. Bincangkan. [9 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan pengenaan cukai oleh kerajaan.

> **Kuala Lumpur**: Cukai jualan 10 peratus ke atas barang bernilai rendah (LVG) yang akan dilaksanakan 1 Januari depan mampu melindungi pembuat barangan tempatan daripada persaingan barangan luar negara, terutama barangan buatan pengilang dari China. Cukai untuk LVG yang dijual secara dalam talian itu juga hanya membabitkan barangan import dan bernilai RM500 ke bawah. Beliau berkata, pengumuman kerajaan untuk melaksnakan cukai LVG tahun depan, memandangkan kerajaan mahu menambahkan lagi sumber pendapatan dan mengurangkan defisit perbelanjaan yang meningkat naik pada setiap tahun. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengumumkan Malaysia akan mula mengenakan cukai jualan ke atas LVG diimport yang dijual secara dalam talian dan dibawa masuk ke Malaysia melalui jalan darat, laut atau udara mulai 1 Januari 2024.
>
> Sumber: ubah suai hmetro.com.my, 20 Disember 2023

(a) Jelaskan sebab kerajaan mengenakan cukai tersebut? [4 markah]

(b) Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan tindakan kerajaan tersebut terhadap pasaran barangan keluaran tempatan. [7 markah]

(c) Bersetujukah anda bahawa tindakan kerajaan tersebut membantu memperbaiki imbangan pembayaran negara. [9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan sektor pelancongan di Malaysia.

**Bajet 2023: Bantu pulih sektor pelancongan tempatan**

**Kuala Lumpur:** Industri pelancongan tempatan dijangka mendapat manfaat secara langsung daripada pengumuman Bajet 2023 yang dibentangkan hari ini. Ini bagi mengaktifkan semula sektor pelancongan, seni dan budaya yang terjejas teruk dengan mengambil kira aspek promosi pelancongan secara digital, katanya. Menurutnya, cadangan pemotongan cukai khas kepada hotel yang membeli produk kraf tangan tempatan dengan kos pembelian sehingga RM500,000 membantu pengusaha tempatan terutama golongan luar bandar. Perkara ini menarik kerana kerajaan ingin memastikan bantuan diberi mampu memberi limpahan ekonomi kepada peniaga lain terutama perniagaan mikro, katanya. Pelbagai inisiatif diberi untuk memastikan sektor industri pelancongan bersiap sedia dari segi menaik taraf infrastruktur dan kecukupan pekerja.

Sumber: ubah suai hmetro.com.my, 07 Oktober 2022

(a) Huraikan komposisi dagangan Malaysia dalam petikan di atas. [4 markah]

(b) Peningkatan pelancong tersebut memberi kesan terhadap perubahan permintaan produk kraftangan Malaysia.
Buktikan dengan bantuan rajah. [7 markah]

(c) Bagaimanakah cadangan tersebut dapat membantu pengusaha tempatan.
Beri hujah anda. [9 markah]